

## PENDIDIKAN DAN LATIHAN VOKASIONAL DI INSTITUSI PEMULIHAN JUVANA: PENINGKATAN PELUANG KERJAYA DAN PENGURANGAN RESIDIVISME DALAM KALANGAN PESALAH MUDA

(*Vocational Education and Trainingi In Juvenile Correctional Institution: Increasing Career Opportunities and Reducing Recidivism among Young Offender*)

Nazirah Hassan \* & Mohd Amry Minggo

### ABSTRAK

Pendidikan dan latihan vokasional adalah komponen penting pemulihian jangka panjang dari tingkah laku jenayah dalam kalangan remaja. Di institusi pemulihan juvana, remaja diberi peluang untuk mempelajari ilmu pengetahuan dalam latihan vokasional sebagai persediaan peluang pekerjaan apabila mereka kembali kepada komuniti. Integrasi dengan komuniti menerusi pekerjaan mengekalkan perubahan positif remaja, justeru mengurangkan risiko residivisme atau pengulangan tingkah laku jenayah. Tujuan utama kajian ini adalah untuk meneroka manfaat pendidikan dan latihan vokasional terhadap peningkatan peluang kerjaya dan pengurangan risiko pengulangan tingkah laku jenayah dalam kalangan remaja di dua buah institusi pemulihan juvana di Semenanjung Malaysia. Temu bual mendalam telah dijalankan keatas 16 remaja juvana yang terdiri daripada lapan orang lelaki dan lapan orang perempuan berusia diantara 15 hingga 17 tahun. Hasil dapatan kajian mengenal pasti tiga faedah utama pendidikan kemahiran vokasional kepada remaja juvana, iaitu motivasi menjalani pemulihian di institusi, memberi makna, tujuan dan harapan dalam hidup, dan persediaan dan perancangan selepas bebas. Faedah ini diyakini memberi kesan kepada peningkatan peluang kerjaya dan penyepadan dalam komuniti, dan kedua-dua kesan ini menyumbang kepada pengurangan risiko pengulangan tingkah laku jenayah. Kajian mencadangkan pengukuhan kemahiran atau latihan bersijil bagi meningkatkan kebolehpasaran dan keupayaan remaja untuk mendapatkan pekerjaan apabila dibebaskan kelak. Kerjasama kukuh antara institusi pemulihan dan industri yang menawarkan program latihan kecekapan perlu dipertingkatkan. Kajian turut memberi implikasi kepada penambahbaikan dasar dan program pendidikan vokasional di institusi pemulihan, sekaligus memperkasa hak remaja dalam sistem keadilan juvana.

**Kata kunci:** pesalah juvana, institusi pemulihan, latihan vokasional, rehabilitasi, pengulangan jenayah, sistem keadilan juvana.

### ABSTRACT

Vocational education and training is an important component of the long-term abstinence from criminal behaviour among of young people. In juvenile correctional institutions, young people are given the opportunity to enroll in vocational training as a preparation for the job opportunities

when they return to the community. Community integration through employment sustains the positive changes of young people, thus reducing the risk of recidivism or reoffending. The primary purpose of this study is to explore the benefits of vocational education and training on increasing career opportunities and reducing the risk of reoffending among young people incarcerated in two juvenile correctional institutions in Peninsular Malaysia. In-depth interviewing was conducted with 16 young people comprising eight females and eight males aged between 15 and 17 years. The results of the study identified three main benefits of vocational education and training for young people, including motivation for treatment in the institutions, giving meaning, purpose and hope in life, and preparation and planning for after release. These benefits are believed to have an impact on increased career opportunities and integration into the community, and both of these effects contribute to reduce the risk of recidivism. The study suggests the need to strengthen the certification skills and trainings to increase the employability and ability of young people to get a job after release. Strong collaboration between the correctional institutions and the industries that offer competency training programs needs to be improved. The study has implications to improve vocational education policies and programs in the correctional institutions, as well as empowering the rights of young people in the juvenile justice system.

**Keywords:** juvenile offenders, correctional institutions, vocational training, rehabilitation, reoffending, juvenile justice system.

## PENGENALAN

Penglibatan kanak-kanak dan remaja dalam jenayah adalah sangat membimbangkan. Pada 2017 dan 2018, Malaysia melaporkan lebih daripada 5200 kes jenayah yang melibatkan remaja, dan kira-kira 13 peratus daripada kes itu adalah kesalahan berulang (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2019). Antara kesalahan indeks jenayah melibatkan remaja paling tinggi adalah kes curi, mencederakan orang, pecah rumah, rogol dan samun. Seperti di kebanyakkan negara di seluruh dunia, kanak-kanak dan remaja yang terlibat dengan jenayah dilindungi oleh akta khas untuk kanak-kanak. Di Malaysia, kanak-kanak dan remaja berusia 18 tahun dan kebawah dilindungi oleh Akta Kanak-Kanak 2001. Mereka akan dilindungi, diadili, dibicara, disabit, ditahan atau diarah untuk menjalani rawatan pemulihan seperti yang termaktub dalam Akta Kanak – Kanak 2001. Menurut Seksyen 58(1) Akta ini, seorang kanak-kanak yang disabitkan bersalah bagi kesalahan jenayah tertentu boleh diperintahkan oleh Mahkamah Kanak-Kanak untuk dimasukkan ke dalam jagaan sesuatu tempat tahanan yang sah. Terdapat beberapa bentuk tempat jagaan atau institusi pemulihan yang diwartakan oleh kerajaan iaitu asrama akhlak, sekolah diluluskan dan Sekolah Henry Gurney. Penentuan institusi pemulihan ini adalah berdasarkan had umur dan keseriusan kesalahan jenayah yang dilakukan.

Pentadbiran dan pengurusan institusi pemulihan juvana adalah berpandukan peruntukan-peruntukan pada Akta Kanak-kanak 2001 dan Peraturan-Peraturan (Sekolah Diluluskan) 2017. Di bawah peraturan ini, semua remaja mempunyai hak untuk mendapat penjagaan dan perlindungan yang sewajarnya. Adalah menjadi tanggungjawab sistem keadilan juvana dan pentadbiran institusi pemulihan untuk memastikan setiap individu yang dilucutkan kebebasannya harus dilayan dengan sifat-sifat kemanusiaan dan kehormatan, disamping mengambil kira hak mereka untuk

mendapatkan keperluan yang mencukupi. Keperluan-keperluan mereka adalah keperluan asas, perlindungan keselamatan, penjagaan kesihatan dan kebersihan diri, pemulihan dan rawatan, hubungan dengan ahli keluarga, pendidikan dan kemahiran vokasional (UNICEF, 2013).

Pemulihan remaja yang terlibat dengan jenayah adalah tidak mudah dan sangat mencabar. Kesukaran ini mungkin disebabkan oleh pengalaman negatif kanak-kanak (adverse childhood experience) yang mempengaruhi tingkah laku, ciri-ciri psikopati yang dimiliki, masalah ketagihan dan kesan dilabel (iaitu perasaan keterasingan dari masyarakat) (Jacobs et al., 2021; Kennedy, Edmonds, Millen & Detullio, 2019). Di Malaysia, majoriti remaja yang terlibat dengan jenayah turut melaporkan pengalaman negatif sewaktu kanak-kanak seperti pengalaman tingkah laku ganas, perceraian ibu bapa, sejarah didera atau ditinggalkan (Wahab et al., 2021; Tan, Zuraini & Noor Banu, 2019). Sesetengah mereka turut menunjukkan ciri-ciri psikopati dan risiko pengulangan tingkah laku jenayah yang tinggi (Hassan, Kendrick & Ibrahim, 2020). Demikian, pemulihan juvana adalah sangat mencabar dan hal ini memerlukan pemulihan dan rawatan rapi dari pelbagai aspek.

Pendidikan dan latihan vokasional adalah salah satu usaha yang diyakini mampu menyumbang kepada keberkesanan pemulihan dan perubahan positif tingkah laku juvana. Di kebanyakkannya negara, latihan vokasional disediakan di institusi pemulihan bertujuan mempersiapkan penghuni dengan kemahiran teknikal untuk keperluan kerjaya apabila dibebaskan kelak (Ameen & Lee, 2014; Osborn & Belle, 2019). Kajian turut membuktikan keberkesanan latihan vokasional dalam menyumbang kepada perubahan tingkah laku yang positif dan pemulihan remaja secara berterusan (Azam, Bakar, Yusoff & Rauf, 2021; Osborn & Belle, 2019). Tambahan pula, peluang kerjaya memberi kesan kepada dua situasi yang dapat mengurangkan risiko pengulangan tingkah laku jenayah, iaitu integrasi dengan komuniti (pengurangan rasa keterasingan dengan komuniti) dan penyelesaian kepada masalah kewangan. Ahli kriminologi membuktikan hubungan antara peningkatan risiko jenayah dengan masalah kewangan (Speziale, 2014; Osborn & Belle, 2019). Masalah kewangan ini dapat dikaitkan dengan masalah pengangguran dan kemiskinan. Rata-rata remaja yang terlibat dengan jenayah mempunyai masalah kemiskinan dan pengangguran (Speziale, 2014). Demikian, sistem keadilan jenayah percaya pemantapan kemahiran vokasional dapat membantu remaja mengatasi masalah pengangguran dan kemiskinan, sekaligus meningkatkan keberkesanan pemulihan dan pemulihan berterusan remaja.

Di Malaysia, pendidikan vokasional di institusi pemulihan akan ditawarkan kepada (terutamanya) remaja yang tidak pernah bersekolah, telah berhenti sekolah, tidak mahu meneruskan persekolahan atau tidak menunjukkan minat dalam bidang akademik. Namun, menurut peruntukan Perkara 20 (4) Peraturan-Peraturan (Sekolah Diluluskan) 2017, keperluan remaja untuk menyertai latihan teknikal dan vokasional di institusi pemulihan perlu mengambil kira keupayaan dan kebolehan remaja serta persetujuan rundingan bersama ibu bapa atau penjaga remaja. Bagi remaja lelaki, antara latihan kemahiran vokasional yang ditawarkan adalah pertukangan, automotif, kimpalan, pendawaian elektrik, seni kraftangan, pembinaan, pemasangan paip, pertanian dan bakeri (Bee, 2002). Bagi remaja perempuan, latihan vokasional merangkumi bakeri, jahitan, sulaman, seni kraftangan dan kulinari (Bee, 2002). Lazimnya, remaja akan ditawarkan untuk menyertai kemahiran yang bersesuaian dengan minat dan keperluan kerjaya mereka (UNICEF, 2013). Perkara ini sejajar dengan teori kerjaya Holland yang menegaskan bahawa pilihan kerjaya adalah ekspresi personaliti individu, dan kesesuaian kerjaya dengan

personaliti akan memberi kepuasan dalam pekerjaan dan peningkatan dalam prestasi (Morgan & Bruin, 2018). Namun, tawaran pendidikan vokasional yang tersedia di institusi pemulihan di Malaysia hanya tertumpu kepada personaliti realistic (e.g. pertukangan, pembinaan dan aumototif) dan creator (e.g. seni kraftangan) yang mungkin mengehadkan pilihan kerjaya remaja. Hal ini kerana latihan teknikal dan vokasional yang ditawarkan adalah tertakluk kepada sumber yang terdapat pada satu-satu institusi pemulihan i.e. tenaga pengajar, peralatan dan kewangan. Kekangan sumber-sumber tersebut menyebabkan sesetengah institusi pemulihan hanya menawarkan latihan-latihan kemahiran tertentu sahaja (Hassan & Rosly, 2021). Demikian, dengan menggunakan teori kognitif Bandura (1986), pendidikan tentang bagaimana remaja boleh merangka pembangunan dan perancangan kerjaya selepas dibebaskan perlu diberikan kepada remaja sewaktu tempoh menjalani rawatan di institusi pemulihan.

Secara keseluruhannya, pendidikan vokasional di institusi pemulihan adalah penting untuk pemulihan remaja. Namun, kekangan sumber mengehadkan pilihan minat kerjaya remaja. Hanya segelintir remaja sahaja yang benar-benar mendapat manfaat daripada program pendidikan dan latihan vokasional di institusi pemulihan (UNICEF, 2013). Lebih mengecewakan lagi, apabila segelintir remaja tidak langsung mendapat manfaat dari program pendidikan yang ditawarkan berikutan kekangan pegawai atau guru yang terlatih dalam kemahiran tertentu (UNICEF, 2013). Maka, kajian ini dijalankan bertujuan meneroka manfaat pendidikan kemahiran vokasional terhadap peningkatan peluang kerjaya dan pengurangan risiko pengulangan tingkah laku jenayah dalam kalangan remaja di institusi pemulihan juvana.

## METODOLOGI KAJIAN

Bagi meneroka objektif kajian ini, metod kualitatif menerusi reka bentuk temu bual mendalam telah dijalankan. Temu bual ini telah dijalankan pada tahun 2019 iaitu sebelum pandemik COVID-19 melanda negara dan kebanyakan negara di dunia. Maka, perspektif faedah dan cabaran yang dikongsikan ini tidak mengambil kira kesan semasa atau selepas perintah kawalan pergerakan (PKP) dan tempoh pandemik COVID-19. Dalam seting institusi pemulihan, temu bual mendalam adalah sangat sesuai untuk dilaksanakan terutamanya kepada remaja. Persekutaran institusi pemulihan yang sensitif dan peribadi remaja yang mungkin rapuh (vulnerable) mendorong penyelidik untuk menggunakan pendekatan penerokaan untuk mengumpulkan data. Pendekatan ini memberi peluang kepada pembinaan *rappor* yang positif, justeru menggalakkan informan untuk berkongsi pelbagai maklumat (termasuklah yang bersifat sensitif) semasa temu bual dijalankan (Abrams, 2006; Abrams, 2010).

### Sampel Kajian

Dengan menggunakan teknik persampelan bertujuan, seramai 16 orang informan dari dua buah institusi pemulihan telah dipilih. Lapan remaja lelaki telah dipilih dari sebuah institusi pemulihan remaja di Kuala Lumpur dan lapan remaja perempuan dari sebuah institusi pemulihan remaja di Terengganu telah dipilih untuk menyertai kajian ini. Sampel bagi remaja adalah terdiri daripada remaja berusia antara 15 hingga 17 tahun, dengan purata umur 16 tahun. Antara kriteria pemilihan sampel adalah remaja yang sedang menjalani pemulihan di institusi pemulihan juvana sewaktu

proses pengumpulan data, sihat tubuh badan, mengikuti sekurang-kurangnya satu latihan vokasional dalam tempoh tiga bulan dan keatas, telah menjawab borang soal selidik yang diedarkan berkaitan kualiti rawatan dan pemulihan, mendapat kebenaran Warden untuk ditemu bual dan bersetuju untuk ditemu bual. Skop pemilihan sampel difokuskan lagi kepada responden yang mencatatkan skor tinggi bago boring soal selidik kualiti rawatan dan pemulihan. Namun, empat orang responden yang mencatatkan skor rendah dan sederhana turut dipilih bagi meningkatkan kesahan dapatan temu bual melalui perbandingan dapatan.

### **Prosedur Pengumpulan Data**

Kajian ini telah mendapat kelulusan dan kebenaran Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia (Rujukan: JKM100/12/5/2:2019/124). Setelah kelulusan diperolehi, penyelidik memulakan kerja lapangan di institusi pemulihan juvana bagi remaja perempuan di Terengganu dan diikuti dengan institusi pemulihan juvana remaja lelaki di Kuala Lumpur. Sebelum memilih informan, penyelidik telah mengedarkan borang soal selidik berkaitan kualiti rawatan dan pemulihan kepada semua remaja yang berada di institusi pemulihan. Berdasarkan skor tertinggi yang diperolehi, penyelidik memilih enam orang informan (bagi satu institusi pemulihan) untuk menyertai temu bual mendalam. Kesemua informan diberi taklimat berkaitan kajian temu bual, dan informan yang bersetuju menyertai kajian temu bual ini diberikan borang persetujuan penyertaan. Temu bual kemudiannya dijalankan secara individu, dan dijalankan di ruangan tertutup dengan pengawasan rapi seorang kakitangan institusi pemulihan dari jarak yang jauh. Sesi temu bual berlanjutan antara 90 minit sehingga 120 minit. Tiada sebarang kecederaan dan masalah sepanjang proses pengumpulan data dilaksanakan. Data yang diperolehi daripada 16 orang informan remaja dianalisis menggunakan analisis tematik.

### **DAPATAN KAJIAN**

#### **Profil Informan**

Jadual 1 menunjukkan ringkasan demografi bagi 16 orang informan yang telah ditemu bual dalam kajian ini. Kesalahan-kesalahan yang dilakukan adalah penyalahgunaan dadah (37.5%), curi kenderaan (19%), tingkah laku tidak terkawal (25%), dan selebihnya adalah samun dan jenayah kekerasan. Kesemua mereka telah menjalani pemulihan atau berada di institusi pemulihan diantara tempoh antara enam bulan hingga hampir tiga tahun. Majoriti informan merekodkan kesalahan kali pertama (87.5%), manakala dua informan merekodkan kesalahan berulang. Sejumlah 37.5 peratus responden berusia 16 tahun, 31.3 peratus berusia 17 tahun, dan 25 peratus 31.2 berusia 15 tahun. Berdasarkan maklumat latihan vokasional yang didaftarkan di institusi pemulihan, setiap informan mendaftar sekurang-kurangnya satu latihan vokasional yang ditawarkan oleh institusi pemulihan. Dilaporkan bahawa lima informan perempuan telah mendaftar kelas jahitan dan tiga informan telah mendaftar kelas bakeri atau pembuatan kek dan roti. Polisi institusi pemulihan ini yang menawarkan hanya satu bentuk latihan kepada setiap remaja menyebabkan mereka perlu memilih kemahiran yang diminati dan difikirkan mampu memberi peluang kerjaya apabila dibebaskan kelak. Namun, seorang remaja turut berkongsi peluang beliau untuk mengikuti latihan

kemahiran keusahawanan. Menurut Jana (perempuan, 17 tahun) beliau antara individu yang terpilih untuk mengikuti program keusahawanan ini; “Saya antara org terpilihlah. Setiap minggu saya akan *join* aktiviti luar dekat universiti. Aktiviti macam keusahawanan. Ada modul dia. Modul ni, dia macam ajar kami untuk berniaga.”

Jadual 1: Maklumat demografi informan remaja

Informan	Jantina	Umur	Kesalahan	Tempoh berada di institusi pemulihan	Latihan vokasional yang didaftarkan
Yogi	Lelaki	16	Curi kenderaan	Hampir 3 tahun	Automotif
Rudi	Lelaki	17	Penyalahgunaan dadah	Hampir 3 tahun	Pertukangan
Jana	Perempuan	17	Penyalahgunaan dadah	Hampir 3 tahun	Jahitan/ keusahawanan
Jamal	Lelaki	17	Penyalahgunaan dadah	Hampir 3 tahun	Elektrik
Siti	Perempuan	15	Penyalahgunaan dadah	2 tahun	Jahitan
Roha	Perempuan	16	Penyalahgunaan dadah	Satu tahun	Bakeri
Amri	Lelaki	15	Curi kenderaan	8 bulan	Kimpalan
Zack	Lelaki	16	Curi kenderaan	Hampir 2 tahun	Elektrik
Lana	Perempuan	15	Tingkah laku tidak terkawal	18 bulan	Jahitan
Paru	Lelaki	16	Jenayah kekerasan	Hampir 2 tahun	Pertukangan
Remy	Lelaki	16	Samun	6 bulan	Kimpalan
Seha	Perempuan	17	Penyalahgunaan dadah	18 bulan	Bakeri
Nora	Perempuan	15	Tingkah laku tidak terkawal	8 bulan	Bakeri
Mina	Perempuan	16	Tingkah laku tidak terkawal	Satu tahun	Jahitan
Omar	Lelaki	17	Samun	Satu tahun	Pembinaan
Mila	Perempuan	15	Tingkah laku tidak terkawal	6 bulan	Jahitan

Sementara itu, kesemua lapan informan lelaki turut dilaporkan mendaftar sekurang-kurangnya satu latihan vokasional (subjek teras), termasuklah automotif, pertukangan, elektrik, kimpalan dan kemahiran binaan (e.g bancuh simen, *plastering*, ikat batu, *piping* dalam simen dan *sandblasting*). Setiap remaja akan ditawarkan sijil kemahiran setelah berjaya tamat silibus latihan yang ditetapkan. Sebagai contoh, informan memaklumkan bahawa latihan kemahiran binaan yang ditawarkan di institusi pemulihan telah didaftarkan di bawah Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB). Dengan ini, mereka yang berjaya menamatkan latihan tersebut akan memperoleh sijil dan kemudahan untuk berdaftar sebagai personel binaan. Perkara ini seajar dengan pelaksanaan Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN) yang telah ditawarkan di beberapa institusi pemulihan remaja, termasuklah penjara banduan muda dan Sekolah Henry Gurney. SLDN menawarkan konsep latihan vokasional di dalam dua situasi pembelajaran iaitu tempat kerja yang sebenar dan institut latihan dengan usahasama syarikat-syarikat dan institusi-institusi latihan vokasional yang terlibat. Usaha ini adalah untuk membolehkan remaja yang menjalani pemulihan atau bekas banduan untuk mempunyai kebolehpasaran dan keupayaan untuk berkerja setelah dibebaskan kelak.

### Pendidikan Vokasional dan Faedah

Majoriti informan mempunyai persepsi positif tentang pendidikan dan latihan vokasional yang ditawarkan di institusi pemulihan. Sesetengah mereka menjelaskan bahawa kemahiran vokasional

adalah sangat menyeronokkan dan memberi impak kepada perubahan positif tingkah laku mereka dan peluang untuk berintegrasi dengan masyarakat apabila dibebaskan. Berdasarkan hasil dapatan kualitatif, tiga tema utama wujud berkaitan tentang faedah pendidikan kemahiran vokasional terhadap peluang kerjaya dan pengurangan risiko pengulangan tingkah laku jenayah. Jadual 2 menunjukkan tiga tema berserta contoh petikan informan.

Jadual 2: Tema dan contoh petikan faedah pendidikan kemahiran vokasional

Tema	Contoh petikan
Motivasi menjalani tempoh pemulihan -	<p>‘Di sini saya menyertai kelas bakeri. Saya suka buat kek, walaupun sebelum masuk sini. Itulah benda yang perkara yang menggembirakan kat sini. Kelas Isnin hingga Khamis, dua atau tiga jam setiap hari (...) Saya harap kita mendapat lebih banyak masa untuk menghadiri kelas bakeri.’ (Lana, 15, perempuan)</p> <p>‘Kitorang ramai ikut keals vokasional ni. Sebab kitorang tak sekolah. Kitorang ni banyak berhenti sekolah. (...) Saya masuk pertukangan. Staf yang letak dekat kelas tu. Tapi saya ikut je. Masa kelas seronok. Saya suka masuk kelas. Ada benda nak buat. Tu je lah yang seronok kat sini.’ (Jamal, 17, lelaki)</p>
Harapan dan tujuan	<p>‘Saya tak dapat kaunseling kat sini. Seingat saya cuma dua kali je saya dapat. Dah dua tahun kat sini dua kali je. Tapi tak kisah. Masuk kelas (vocational training) ni macam buat sesuatu lah. Macam ada program lah (pemulihan). Adalah rasa buat sesuatu yang berguna untuk saya.’ (Nora, 15, perempuan)</p> <p>‘Kat sini buat saya jadi lagi baik. Bukanlah sebab tempat ni. Bukanlah staf ke. Tapi saya boleh kawal lah. Kalau kat luar tak boleh. Lepas tu ada kelas kemahiran tu semua. Setiap hari. Buat saya rasa ada sesuatu dekat sini. Kat kelas kita kena buat (bina/cipta) sesuatu. Macam rawatan lah. Rasa berguna sebab boleh guna bila keluar.’ (Omar, 17, lelaki)</p>
Persediaan dan perancangan	<p>‘Bagus dapat belajar kemahiran dekat sini. Dah keluar nanti boleh jadi tukang jahit. Sekarang ni pun tukang jahit boleh buat duit. Boleh kerja dari rumah (...) Sekarang ni saya nak keluar bebas je. Nak mulakan hidup baru. Boleh dapat duit dari jahit. Tak rasa malulah dengan orang-orang. (Mina, 16, perempuan)</p> <p>‘Saya join kelas elektrik (pendawaian elektrik). Kelas ni sesuai untuk saya. Sebab boleh belajar sebelum keluar nanti. Ada kemahiran. Saya boleh guna nak cari kerja nanti. Cikgu pun cakap senang nak dapat kerja kalau tahu elektrik. (...) Kat luar saya boleh jadi lagi baik. Kadang-kadang kat sini tak rasa apa-apa. Bosan je hari-hari. Tapi, harapkan kelas kemahiran je. Bolehlah guna untuk keluar nanti. (Remy, 16, male)</p> <p>‘Kami dapat sijil untuk kelas kemahiran ni. Boleh guna sijil tu untuk mohon kerja mana-mana. Okay lah tu. Nak buat macam mana. Belajar pun tak pandai. Kemahiran pun boleh kerja juga.’ (Amri, 15, lelaki)</p>

Pertama, sesetengah informan bersetuju bahawa pendidikan vokasional menyumbang kepada motivasi mereka menjalani tempoh di institusi pemulihan. Hal ini dapat dibuktikan menerusi perkongsian informan yang menyatakan bahawa penyertaan dalam kelas vokasional memberi emosi positif yang menyeronokkan dan memberangsangkan. Kelas vokasional yang dijalankan secara separa formal dan tidak melibatkan arahan dan peraturan ketat menyebabkan sesetengah informan menunjukkan emosi keterujaan terhadap kelas tersebut. Mila (15,

perempuan) berkongsi; "Cikgu sporting. Tak ada marah-marah. Bila dia ajar tu macam nak dengar je. Lepas tu dalam kelas, kadang-kadang buat kek, kadang-kadang buat roti. Dia seronok tau, seronok." Seperti Mila, sesetengah informan bersepakat bahawa keadaan separa formal ini memberi sedikit kebebasan kepada mereka untuk membuat keputusan. Tambahan pula, penggunaan kemahiran teknikal, kreativiti dan kerja kumpulan menambahkan keseronokan dalam kelas tersebut. Demikian, sesetengah informan bersetuju bahawa pendidikan vokasional ini meningkatkan motivasi kepada proses pemulihan mereka. Majoriti informan berkongsi tentang rutin institusi pemulihan yang kurang menyenangkan dan tidak selesa. Bagi Yogi (16, lelaki) dan Rudi (17, lelaki), kelas vokasional bukan sahaja mengurangkan kebosanan di institusi pemulihan, malah memberi makna tentang keperluan mereka untuk menjalani tempoh di institusi pemulihan. Segelintir informan berkongsi bahawa peredaran masa dirasakan lebih cepat berlalu, dan demikian mengurangkan perasan dihukum atau dikurung. Jika masa dalam tahana dirasakan singkat, kesan terkurung atau pemenjaraan berjaya dikurangkan (Toch, 1977).

Tema kedua adalah berkaitan dengan harapan dan tujuan. Harapan merupakan komponen dalaman individu yang penting untuk pembangunan diri (Moulden & Marshall, 2007). Majoriti informan bersetuju bahawa pendidikan kemahiran vokasional memberi harapan kepada pembangunan diri mereka dalam dua keadaan: (1) matlamat menjalani tempoh pemulihan; dan (2) hala tuju apabila dibebaskan kelak. Perasaan mempunyai 'matlamat' memberikan kesan positif kepada corak pemikiran individu. Pemikiran positif individu akan membentuk pemikiran yang lebih realistik iaitu pemikiran kearah mencapai matlamat yang ditetapkan atau dirancang. Seha (17, perempuan) berkongsi; "Bila kami ni ada belajar kemahiran dekat sini, kami tahu apa nak buat lepas keluar. Benda ni (pendidikan vokasional) macam bagi jalan pada saya." Seperti Seha, segelintir informan menganggap tempoh di institusi pemulihan ini adalah seperti berada di institusi latihan, yang mana mempersiapkan diri mereka untuk menceburkan diri dalam alam kerjaya. Sesetengah remaja yang terlibat dengan jenayah, mereka tidak pernah mempunyai pengalaman bekerja dan tidak mempunyai hala tuju pekerjaan berikutnya usia mereka yang masih muda dan masih bersekolah, ketiadaan peluang untuk bekerja atau sifat mereka yang tidak mahu bekerja. Justeru, peluang pendidikan vokasional yang ditawarkan ini memberi peluang kepada informan untuk mempersiapkan diri dan merancang hala tuju pekerjaan setelah dibebaskan kelak. Tambahan pula, layanan, didikan dan nasihat guru sewaktu kelas memberi harapan positif untuk remaja terus membangun dan berubah ke arah yang lebih baik. Zack (16, lelaki) berkongsi; "Cikgu baik. Seronoklah nak belajar. Dia tak macam staf sebab dia cuma *handle* kelas je kan. Kadang-kadang bila dia (guru) bagi nasihat, saya rasa macam boleh berubahlah." Seperti Zack, sesetengah informan bersetuju dengan impak kelas vokasional yang meningkatkan harapan. Menurut Buss (1995), harapan dapat dicirikan oleh perasaan positif terhadap diri sendiri atau konsep kendiri positif. Sesetengah remaja yang pernah menjalani pemulihan mendapat kesan label iaitu perasaan keterasingan dari masyarakat. Kesan label adalah ketara dan signifikan kepada remaja yang mempunyai konsep kendiri negatif, justeru meningkatkan risiko pengulangan tingkah laku jenayah. Mempelajari kemahiran teknikal menerusi pendidikan vokasional boleh memberi kesan kepada konsep kendiri positif (Basaran, 2016).

Ketiga, majoriti informan bersetuju bahawa pendidikan kemahiran vokasional memberi impak kepada perancangan dan persediaan apabila mereka bebas kelak. Dalam erti kata lain, ia seolah-olah menjadi jambatan yang menghubungkan kehidupan di dalam institusi pemulihan dan

dunia luar. Kesan peralihan yang positif ini meningkatkan tahap persediaan remaja untuk kembali kepada masyarakat. Remaja yang pernah menjalani tempoh di institusi pemulihan akan menghadapi cabaran untuk berintegrasi semula bersama keluarga dan masyarakat. Pendidikan vokasional ini dikatakan mampu untuk mempersiapkan diri remaja dengan perancangan dan hala tuju apabila keluar kelak. Menurut Rudi (17, lelaki): “lepas keluar ni memang tak sekolah lah. Dah 17 macam ni. Ni dah ada sijil kemahiran ni, bolehlah terus plan kerja.” Seperti Rudi, Seha (17, perempuan) berkongsi: “Dah ada kemahiran ni, boleh lah fikir nak buat apa bila keluar. Saya dah nampak jalan saya. Dah boleh rancang lah dari sini.” Pemikiran seumpama ini menyumbang kepada pemikiran tentang kewujudan peluang kerjaya untuk mereka, peranan dan tanggungjawab yang perlu dimainkan dan perasaan bermakna dalam kehidupan. Informan juga yakin bahawa memiliki perkerjaan bukan sahaja dapat memperkuuh keperluan kewangan dan pembangunan diri, tetapi meningkatkan sokongan sosial. Sokongan sosial di tempat kerja dapat meningkatkan kesejahteraan kesihatan mental (Osborn & Belle, 2018).

## PERBINCANGAN

Majoriti informan mempunyai kepercayaan positif tentang pendidikan kemahiran vokasional yang ditawarkan di institusi pemulihan. Secara umumnya, istilah pendidikan vokasional merangkumi setiap bentuk pendidikan yang bertujuan untuk memperoleh atau menambah kemahiran teknikal atau kelayakan yang berkaitan dengan profesion, seni atau sektor pekerjaan tertentu (Williams, 2017). Antara pendidikan vokasional yang ditawarkan di institusi pemulihan juvana di Malaysia adalah automotif, pertukangan, elektrik, kimpalan, kemahiran binaan (di institusi pemulihan lelaki), dan jahitan, bakeri atau pastri dan keusahawanan (di institusi pemulihan perempuan). Informan percaya bahawa pendidikan vokasional membantu meningkatkan peluang kerjaya dan mengurangkan risiko pengulangan tingkah laku jenayah sekurang-kurangnya dalam tiga keadaan: (1) meningkatkan motivasi menjalani pemulihan, (2) memberi harapan dengan mewujudkan peluang dan hala tuju kerjaya, dan (3) mewujudkan dan meningkatkan persediaan dan perancangan kerjaya. Para sarjana menyokong dapatan ini dengan menegaskan bahawa pendidikan kemahiran vokasional mempunyai potensi pemulihan dan pengurangan risiko pengulangan jenayah (Okwelle & Deebom, 2018; Newton et al., 2018; Azam et al., 2021; Esa et al., 2017; Khemtong, 2017). Potensi pemulihan ini adalah disebabkan oleh peningkatan motivasi sesetengah remaja untuk mengikuti setiap program rawatan dan intervensi di institusi pemulihan. Kajian ini disokong oleh para sarjana yang menegaskan bahawa motivasi atau keinginan untuk pulih menjadi peramal kepada keberkesanan program pemulihan (Newton et al., 2018; Khemtong, 2017). Motivasi boleh dipertingkat menerusi kelas-kelas vokasional yang mewujudkan interaksi, matlamat (iaitu mereka cipta atau menghasilkan sesuatu) dan penggunaan kreativiti menerusi pemikiran dan pergerakan fizikal. Kesannya adalah kepada corak pemikiran remaja yang lebih positif, pemahaman tentang peranan yang perlu dimainkan dan pembentukan sikap yang lebih bertanggungjawab. Situasi ini menyebabkan sesetengah remaja mula memahami tujuan hidup mereka, dan perasaan ini memberi harapan atau peluang kepada mereka untuk pulih dan diterima masyarakat (Morris, 1995; Okwelle & Deebom, 2018; Pompoco et al., 2017). Sebaliknya, satu kajian menegaskan kepentingan setiap remaja untuk menamatkan pendidikan vokasional ini

(sehingga tamat sibus dan memperolehi sijil) kerana kegagalan untuk menamatkan program ini tidak akan memberi manfaat kepada remaja (Ponpoco et al., 2017).

Kemahiran bersijil dan kerjasama industri yang menawarkan latihan adalah penting untuk memperkasa remaja apabila dibebaskan dari institusi pemulihan. Kemahiran bersijil dan kerjasama industri menjanjikan komponen latihan yang memenuhi kecekapan satu-satu kemahiran, memenuhi tuntutan kemajuan teknologi serta inovasi, dan memenuhi keperluan pasaran pekerjaan semasa (CIDB, 2022). Dalam usaha memenuhi keperluan ini, beberapa institusi pemulihan juvana telah melaksana Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN) dalam tempoh remaja menjalani pemulihan di institusi pemulihan. SLDN bermatlamat untuk melahirkan remaja sebagai pekerja yang berpengetahuan (*K-Workers*) yang berlandaskan *industry driven* (Jabatan Pembangunan Kemahiran, 2022). Untuk melengkapkan SLDN, remaja perlu memenuhi 70 peratus hingga 80 peratus latihan amali di industri dan 20 peratus hingga 30 peratus latihan teori di institusi pemulihan (Jabatan Pembangunan Kemahiran, 2022) dengan pemantauan rapi. Perkara ini bukan sahaja memberi peluang pendidikan kepada remaja juvana, malah meningkatkan kebolehpasaran mereka dan meningkatkan penyepaduan mereka dengan masyarakat dalam tempoh latihan amali dilaksanakan.

Pendidikan atau peluang untuk belajar adalah komponen penting dalam membantu remaja yang terlibat dengan jenayah untuk berubah. Pendidikan boleh dilihat sebagai rawatan intervensi secara tidak langsung, dan pelaksanaannya adalah bermatlamat memperkasa individu. Dalam erti kata lain, proses pembelajaran menyumbang kepada pemerkasaan individu menerusi penambahan ilmu pengetahuan, kemahiran komunikasi dan interpersonal, keupayaan mengawal emosi, peningkatan daya tahan dan keyakinan diri (Hippach-Schneider, et al., 2017). Demikian, ia memberi kesan kepada peningkatan harga diri (Basaran, 2016; Chen & Shields, 2019). Walaupun pendidikan vokasional ini bukan bermatlamat untuk menyelesaikan masalah tingkah laku remaja yang terkait dengan jenayah yang dilakukan, namun kesan tidak langsung program tersebut menyumbang kepada perubahan tingkah laku positif, sekaligus mengurangkan risiko pengulangan tingkah laku jenayah. Risiko pengulangan tingkah laku jenayah dapat dikurangkan berikutan keupayaan remaja untuk mendapat pekerjaan yang berkualiti dan sesuai dengan kemahiran yang diperolehi apabila bebas. Kajian menunjukkan risiko pengulangan tingkah laku jenayah yang sangat rendah kepada bekas banduan yang bekerja berikutan status yang diperolehi serta kualiti hidup dan harga diri yang berjaya dipertingkatkan (Chen & Shields, 2019; Varghese & Cummings, 2013). Namun, untuk mendapat pekerjaan yang berkualiti dan berpotensi untuk memperkasa remaja adalah sangat mencabar dan penuh halangan (Varghese & Cummings, 2013).

Dalam konteks kaunseling kerjaya, pendidikan kemahiran vokasional ini memberi kesan kepada efikasi kendiri dan kematangan remaja dalam kerjaya (Allen & Bradley, 2015). Efikasi kendiri dalam kerjaya bermaksud kepercayaan individu terhadap keupayaannya untuk bekerja dalam seting tertentu yang sesuai dengan kemahirannya dan keupayaannya (Dos Santos, 2018). Pendidikan atau latihan yang diberikan kepada remaja di institusi pemulihan akan meningkatkan efikasi kendiri mereka, justeru meningkatkan kepercayaan mereka terhadap kebolehan diri untuk bekerja dalam seting pekerjaan tertentu. Majoriti informan yakin bahawa kemahiran yang diperolehi menyumbang kepada perancangan dan peluang kerjaya dalam bidang tersebut. Hal ini terkait dengan efikasi kendiri sebagai peramal yang mampu mengurangkan atau meminimumkan sikap-sikap negatif terhadap kebolehan diri untuk bekerja dan pemikiran jumud tentang peluang

kerjaya untuk mereka (Chen & Shields, 2019). Teori kognitif sosial turut menggariskan kepentingan efikasi kendiri dalam kerjaya (Bandura, 1986). Dalam teori ini, Bandura (1986) menegaskan hubungan antara efikasi kendiri, jangkaan hasil/pencapaian dan matlamat. Individu cenderung dan (kebiasaannya) berjaya untuk mencapai matlamat kerjaya tertentu sekiranya mereka mempunyai efikasi kendiri yang kuat, namun bergantung kepada kemahiran yang dimiliki dan sokongan-sokongan luaran untuk mencapai matlamat ini (Sharf, 2013). Justeru, usaha institusi pemulihan menawarkan program pendidikan vokasional kepada remaja adalah strategi berkesan meningkatkan efikasi kendiri dan persepsi positif terhadap peluang kerjaya.

Kematangan kerjaya, dalam konteks perbincangan ini, boleh dikaitkan dengan keupayaan remaja untuk kekal bekerja. Kekal bekerja adalah limitasi bagi remaja yang pernah menjalani tempoh di institusi pemulihan berikutan cabaran untuk beradaptasi dengan tekanan kerja dan masalah di tempat kerja (Varghese & Cummings, 2013). Kematangan kerjaya bermaksud keupayaan untuk membuat keputusan pemilihan kerjaya dan ia berkait dengan efikasi kendiri. Kematangan dalam membuat keputusan kerjaya akan memberi kesan kepada prestasi dalam kerja tersebut dan keupayaan untuk kekal dalam seting kerjaya tersebut. Sarjana membuktikan bahawa kematangan dalam kerjaya memberi kesan kepada peningkatan komitmen, pengurangan tekanan dan pengurangan pemikiran-pemikiran negatif terhadap kerjaya yang diceburi (Jo et al., 2019; Allen & Bradley, 2015). Untuk meningkatkan kematangan kerjaya ni, pendidikan vokasional sahaja tidak cukup untuk remaja di institusi pemulihan. Kaunselor disarankan untuk menggunakan pendekatan terapi tingkah laku rational-emotive (REBT), yang mana kaunselor boleh membantu remaja untuk mengawal pemikiran-pemikiran yang tidak rasional berkaitan peluang kerjaya dan tekanan kerjaya dan menggantikan/menstruktur pemikiran tersebut kepada yang lebih positif (Jo et al., 2019). Tindakan sedemikian membantu remaja untuk mendapat pekerjaan dan kekal bekerja setelah dibebaskan kelak. Kekal bekerja adalah peramal penting perubahan positif secara berterusan remaja yang pernah menjalani tempoh di institusi pemulihan (Chen & Shields, 2019; Varghese & Cummings, 2013; Hassan & Rosly, 2021).

## KESIMPULAN

Sebagai kesimpulan, kajian ini menyokong kepentingan dan keberkesanan pendidikan vokasional dalam pemulihan remaja yang terlibat dengan jenayah. Kajian ini turut membuktikan keupayaan pendidikan vokasional meningkatkan peluang kerjaya dan pengurangan risiko pengulangan tingkah laku jenayah menerusi tiga keadaan: (1) pendidikan vokasional meningkatkan motivasi remaja untuk pulih; (2) pendidikan vokasional memberi harapan kepada remaja untuk berubah; dan (3) pendidikan vokasional membantu remaja untuk bersedia dan merancang kerjaya. Motivasi, harapan dan persediaan yang diperolehi boleh dikaitkan dengan efikasi kendiri dan kematangan kerjaya yang menyumbang kepada keupayaan untuk mendapat pekerjaan dan kekal bekerja. Situasi ini membantu remaja untuk kekal pulih dan terhindar dari risiko pengulangan jenayah. Ahli kriminologi telah membuktikan perkaitan antara pengangguran dan pengulangan tingkah laku jenayah (Okwelle & Deebom, 2018; Newton et al., 2018; Azam et al., 2021; Esa et al., 2017; Khemtong, 2017). Justeru, kaunselor, pekerja sosial dan sistem keadilan juvana secara keseluruhannya perlu memainkan peranan yang penting dalam memperkasa remaja menerusi program pendidikan vokasional. Sistem keadilan perlu memperkasa program tersebut dengan

menyediakan sumber-sumber yang mencukupi bagi setiap remaja yang ditempatkan di institusi pemulihan. Setiap institusi pemulihan perlu melantik guru vokasional yang mencukupi dan terlatih, menyediakan kemudahan tempat dan peralatan untuk pengajaran dan pembelajaran yang mencukupi, melaksana kelas vokasional secara teratur, dan memastikan kaunselor memainkan peranan dan berupaya untuk menyalurkan sesi kaunseling kerjaya. Bagi merealisasikan agenda *prison reform*, mungkin sistem keadilan juvana perlu memikirkan tentang kerelevanannya untuk mengubah persekitaran institusi pemulihan kepada persekitaran institut vokasional. Demikian, boleh meminimumkan kesan label yang boleh mengurangkan risiko pengulangan tingkah laku jenayah. Kajian di masa hadapan boleh memberi fokus kepada keberkesanannya pelaksanaan latihan vokasional di institusi pemulihan juvana, termasuklah pelaksanaan Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN) dan meneroka aspek-aspek pembangunan kerjaya remaja yang dapat meminimumkan kesan label dan mengurangkan risiko pengulangan tingkah laku jenayah. Selaras dengan Matlamat Pembangunan Mampan 16 (*SDG 16*), pemerksaan remaja juvana menerusi program pembangunan kerja akan dapat mempromosi keamanan, keadilan dan masyarakat yang inklusif kepada semua pihak di semua peringkat. Hal ini memberi peluang kepada remaja juvana untuk berada dalam persekitaran masyarakat yang menerima mereka tanpa diskriminasi dan prejudis.

## PENGHARGAAN

Kajian ini disokong oleh Geran Galakan Penyelidik Muda (GGPM) dengan kod GGPM 2018-042 oleh Universiti Kebangsaan Malaysia.

## RUJUKAN

- Abrams, L. S. (2006). Listening to juvenile offenders: Can residential treatment prevent recidivism?. *Child and Adolescent Social Work Journal*, 23(1), 61-85.
- Abrams, L. S. (2010). Sampling 'hard to reach' populations in qualitative research: The case of incarcerated youth. *Qualitative social work*, 9(4), 536-550.
- Ameen, E. J., & Lee, D. L. (2012). Vocational training in juvenile detention: A call for action. *The Career Development Quarterly*, 60(2), 98-108.
- Azam, S. B. M., Bakar, S. H. A., Yusoff, J. Z. M., & Rauf, S. H. A. (2021). A case study on academic and vocational training for child offenders undergoing a multisystemic therapy-based rehabilitation order in Malaysia. *Children and Youth Services Review*, 122, 105911.
- Bales, W. D., & Piquero, A. R. (2012). Assessing the impact of imprisonment on recidivism. *Journal of Experimental Criminology*, 8(1), 71-101.
- Basaran, Z. (2016). The Effect of Recreational Activities on the Self-Esteem and Loneliness Level of the Prisoners as an Alternative Education. *Universal journal of educational research*, 4(5), 1080-1088
- Bee, T. G. (2002). Institutional treatment management of organizations for juvenile offenders in Malaysia. *UNAFEI Annual Report*, 59, 203-219.
- Bode, J. (2019). Juvenile punishment system in view of the need for education and reintegration. *European Journal of Interdisciplinary Studies*, 5(3), 21-29.

- Chen, C. P., & Shields, B. (2020). Career counselling ex-offenders: Issues and interventions. *Australian Journal of Career Development*, 29(1), 36-43.
- CIDB. (2022). *Program Latihan Kompetensi Kemahiran Pembinaan*. <https://www.cidb.gov.my/index.php/ms/maklumat-pembinaan/latihan-kemahiran/program-latihan-kompetensi-kemahiran-pembinaan>
- Department of Statistics Malaysia. (2019). *Children statistics, Malaysia*. <https://www.dosm.gov.my/v1/index.php?r=column/pdfPrev&id=TVY4ZDdTeFJnMFQxWjdFc1dDZEhOZz09>
- Dos Santos, L. M. (2018). Career decision of recent first-generation postsecondary graduates at a metropolitan region in Canada: A social cognitive career theory approach. *Alberta Journal of Educational Research*, 64(2), 141-153.
- Esa, A., Salleh, B. M., & Mohamad, N. H. (2017). Integrating vocational training in culinary arts and Islamic studies at Juvenile Rehabilitation Centres: Malaysian experience. *Journal of Technical Education and Training*, 9(1), 100-112.
- Hassan, N., & Rosly, M. A. A. (2021). Vocational education and training for young offenders in juvenile approved schools. *International Journal of Academic Research in Progressive Education and Development*, 10(1), 642-650.
- Hassan, N., Kendrick, A., & Ibrahim, F. (2020). The quality of life of young offenders in juvenile justice institutions. *International Journal of Psychosocial Rehabilitation*, 24(04), 4193-4206.
- Hippach-Schneider, U., Schneider, V., Ménard, B., & Tritscher-Archan, S. (2017). The underestimated relevance and value of vocational education in tertiary education-making the invisible visible. *Journal of Vocational Education & Training*, 69(1), 28-46.
- Jabatan Pembangunan Kemahiran. (2022). *Sistem Latihan Dual Nasional*. <https://www.dsdl.gov.my/index.php/perkhidmatan/sistem-latihan-dual-nasional-sldn>
- Jacobs, L. A., Ashcraft, L. E., Sewall, C. J., Folb, B. L., & Mair, C. (2020). Ecologies of juvenile reoffending: A systematic review of risk factors. *Journal of Criminal Justice*, 66, 101638.
- Jo, H. S., Lee, Y. B., Kim, Y. H., & Huh, M. R. (2019). Effects of REBT Applied Horticultural Activity Program on Irrational Beliefs, Job-Seeking Stress, and Career Maturity of University Students. *Journal of People, Plants, and Environment*, 22(6), 601-609.
- Khemthong, S. (2017). The Effect of Occupational Therapy on Volitional and Vocational Skills in the Thai Juvenile Justice System. *International Journal of Child Development and Mental Health*, 5(2), 40-44.
- Morgan, B., & De Bruin, G. P. (2018). Structural validity of Holland's circumplex model of vocational personality types in Africa. *Journal of Career Assessment*, 26(2), 275-290.
- Moulden, H. M., & Marshall, W. L. (2005). Hope in the treatment of sexual offenders: The potential application of hope theory. *Psychology, Crime & Law*, 11(3), 329-342.
- Newton, D., Day, A., Giles, M., Wodak, J., Graffam, J., & Baldry, E. (2018). The impact of vocational education and training programs on recidivism: A systematic review of current experimental evidence. *International Journal of Offender Therapy & Comparative Criminology*, 62(1), 187-207.
- Okwelle, P. C., & Deebom, M. T. (2018). Status of training facilities in vocational education training programmes in Nigerian prisons in Rivers State. *Asian Journal of Science and Technology*, 9(1), 7430-7436.

- Osborn, D. S., & Belle, J. G. (2019). Preparing juvenile offenders for college and career readiness: A cognitive information processing approach. *Journal of Educational and Psychological Consultation*, 29(3), 283-313.
- Phelps, M. S. (2011). Rehabilitation in the punitive era: the gap between rhetoric and reality in US prison programs. *Law & Society Review*, 45(1), 33-68.
- Pompoco, A., Wooldredge, J., Lugo, M., Sullivan, C., & Latessa, E. J. (2017). Reducing inmate misconduct and prison returns with facility education programs. *Criminology & Public Policy*, 16(2), 515-547.
- Sharf, R. S. (2013). *Applying career development theory to counselling* (6<sup>th</sup> Ed.). Belmont, CA: Brooks/Cole
- Tan, B. P., Zuraini, J. O., & Noor Banu, M. N. (2019). Examining family and school factors as predictors of delinquency: A study of juvenile offenders, at-risk students, and low-risk students in Malaysia. *Asian Social Work and Policy Review*, 13(2), 146-158.
- UNICEF. (2013). *The Malaysian Juvenile Justice System: as study of mechanism for handling children in conflict with the law*. [http://www.unicef.org/malaysia/The\\_Msian\\_Juvenile\\_Justice\\_System\\_Nov\\_13\\_R2.pdf](http://www.unicef.org/malaysia/The_Msian_Juvenile_Justice_System_Nov_13_R2.pdf)
- Varghese, F. P., & Cummings, D. L. (2013). Introduction: Why apply vocational psychology to criminal justice populations?. *The Counseling Psychologist*, 41(7), 961-989.
- Wahab, S., Baharom, M. A., Abd Rahman, F. N., Wahab, K. A., Zulkifly, M. A., Azmi, A. D., & Ahmad, N. (2021). The relationship of lifetime substance-use disorder with family functioning, childhood victimisation, and depression, among juvenile offenders in Malaysia. *Addictive Behaviors Reports*, 14, 100359.
- Williams, Y. (2017). Vocational Programs for Juveniles. *The Encyclopedia of Corrections*, 13.
- Wooldredge, J., & Steiner, B. (2015). A macro-level perspective on prison inmate deviance. *Punishment & Society*, 17(2), 230-257.

## **MAKLUMAT PENULIS**

### **NAZIRAH HASSAN (PENGARANG KORESPONDEN)**

Pusat Kajian Psikologi & Kesejahteraan Manusia,  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
nazirah@ukm.edu.my

### **MOHD AMRY MINGGO**

Pusat Koreksional Puncak Alam, Jabatan Penjara Malaysia,  
Bandar Puncak Alam, Selangor  
amry@prison.gov.my